Marhum 'Abd al-Raḥīm bin Maimūn[97] dikenali sebagai *ṣadūk*. Begitu juga dengan Sahl bi Mu'ādh tidak mengapa riwayat daripadanya[98] (لا بأس به) kecuali riwayat daripada Zabān.

**4.3 Kesimpulan**

Kebanyakan hadith-hadith akidah yang telah dibincangkan merupakan hadith yang diterima sebagai hujah. Hanya beberapa hadith sahaja yang *ḍa'īf* dari segi sanad tetapi sesetengahnya disokong oleh sanad yang lain yang lebih kuat atau seumpamanya juga.

Di dalam persoalan ketuhanan kebanyakan hadith yang dibawa oleh pengarang adalah hadith Masyhur kerana diriwayatkan oleh ramai perawi hadith. Manakala hadith Mutawatir adalah terlalu sedikit ditemui seperti hadith soal Jibril tentang Islam , Iman , Ihsan dan Kiamat .[99]

---

[97] *Ibid.* jil. 1, hal. 598 (*ṣadūk*)
[98] *Ibid.* jil. 1, hal. 400 (*tidak mengapa*)
[99] Abū al-Faiḍ al-Kattānī, *Naẓm al-Mutanāthir fī al-Ḥadīth al-Mutawātir*, hal. 53

## 4.2 Analisa Hadith-hadith Akidah

Terdapat sebanyak sembilan puluh satu (91) hadith keseluruhannya yang dijadikan sebagai hujah terhadap semua permasalahan yang telah dibincangkan. Di antaranya ialah hadith-hadith Akidah berjumlah empat puluh satu(41) yang digunakan di dalam mengupaskan permasalahan ketuhanan, kenabian dan *sam'iyyāt.*

Ia dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian hadith-hadith asal di dalam Bahasa Arab dan bahagian hadith-hadith secara *mafhum* yang dibawa oleh pengarang. Bahagian pertama mengandungi sebanyak dua puluh lima (25) hadith Akidah. Penulis memfokuskan perbincangan ini terhadap kedudukan hadith-hadith tersebut sebagai hujah di dalam persoalan akidah. Manakala terjemahannya pula akan dimuatkan bersama dengan lampiran di akhir disertasi ini.

### 4.2.1 Bahagian Satu : Hadith-hadith Asal (Bahasa Arab)

**Hadith 1** : Sabda Rasulullah s.a.w.[1]

"تفكروا فى نعمة الله ولا تفكروا فى ذات الله"

Di dalam riwayat yang lain:

"تفكروا فى الخلق ولا تفكروا فى الخالق فانه لا تحيط به الفكرة"

---

[1] 'Alā' al-Dīn al-Muttaqī bin Ḥisām al-Dīn al-Hindī, *Kanz al-'Ummāl fī Sunan al-Aqwāl wa al-Af'āl*, Muassasah al-Risālah, Beirut, juz.3, hal. 106, hadith no. 5704, 5705, 5706, 57008. Lihat *'Aqidah al-Najin* hal.19

Menurut al-Sakhāwī, Abū Na'īm di dalam kitab *Ḥilyah al-Auliyā`* meriwayatkannya daripada Ibn 'Abbās[2]:

" أنه صلى الله عليه وسلم خرج على أصحابه ، فقال : ما جمعكم ؟
فقالوا : اجتمعنا نذكر ربنا ونتفكر في عظمته ؛ فقال : في خلق الله
ولا تفكروا في الله ، فإنكم لن تقدروا قدره..."

Menurutnya lagi, Ibn 'Adī di dalam *al-Kāmil* dan al-Baihaqī di dalam *al-Syi'b* daripada hadith Ibn 'Umar secara *marfū'* :[3]

" تفكروا في آلاء الله ولا تتفكروا في الله"

Berdasarkan sanad-sanad hadith di atas adalah lemah (*ḍa'īf*), tetapi dengan terkumpulnya hadith-hadith tersebut menjadikannya lebih kuat di samping mempunyai makna yang betul dan sahih.[4]

Tambahan pula Muslim ada meriwayatkan hadith yang berkaitan dengannya di dalam kitabnya( Ṣaḥīḥ Muslim) daripada Abū Hurairah :[5]

---

[2]Muḥammad bin 'Abd al-Rahman al-Sakhāwī, , *al-Maqāṣid al-Ḥasanah fī Bayān Kathīr min al-Aḥādīth al-Musytahirah 'alā al-Alsinah* , Dār al-Kutub al-'Arabī, Beirut, 1985, hal. 260 (342) . Lihat juga Ismā'īl bin Muḥammad bin 'Abd al-Hādī al-'Ajlūnī, , *Kasyf al-Khafā` wa Muzīl al-Ilbās lammā Usytuhira min al-Aḥādīth 'alā Alsinah al-Nās*, Dār al-Kutub al-Ilmiah, jil.1, hal. 278 (1003). Lihat juga Abū Na'īm al-Aṣfahānī , *Ḥilyah al-Auliyā`* , Maktabah al-Khanji , Mesir , t.t. , jil. 1 , hal. 323

[3]*Ibid.* Lihat juga 'Abd Allāh bin 'Adī , *al-Kāmil fī Ḍu'afā` al-Rijāl* , Dār al-Fikr , Beirut, 1985, jil.7, hal. 95 , Aḥmad bin al-Ḥusīn al-Baihaqī, *Syu'ab al-Īmān* , Dār al-Kutub al-'Ilmiah , Beirut, 1990 , hal. 136

[4]*Ibid.* , *Ḥadīth Ḥasan Lighairih* . Lihat juga Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī , *al-Jāmi' al-Saghīr fī Aḥādīth al-Basyir al-Nadhir* , Dar al-Fikr , Beirut, t.t. , jil.1 , hal. 514

[5]Hadith riwayat Muslim, al-Īmān, 190., Sila rujuk CD Hadith Copyright SAKHR Software Co.1995

" لا يزال الناس يتساءلون حتى يقال هذا خلق الله، فمن خلق الله؟

فمن وجد من ذلك فليقل آمنت بالله"

**Hadith 2** : Sabda Rasulullah s.a.w. [6]

"القدرية مجوسى هذه الأمة فإن مرضوا فلا تعودوهم وإن ماتوا فلا تشهدوهم"

Di dalam hadith riwayat Abū Dāud dan Aḥmad terdapat sanad yang gugur iaitu tābi'īn. Di dalam sanad Abū Dāud, Salamah bin Dīnār (tābi' al-Tābi'īn) meriwayatkan terus daripada Ibn 'Umar (sahabat) . Begitu juga dengan 'Umar bin 'Abd Allāh di dalam sanad Aḥmad bin Ḥanbal. Ia merupakan hadith *Marfū' Munqati'*. Sanad Kedua-duanya adalah *ḍa'īf* kerana gugur ditengahnya (sanad tidak bersambung).[7]

**Hadith 3**: Sabda Rasulullah s.a.w.[8]

" يوشك الناس يسئلون حتى يقول قائلهم هذا الله خالق الخلق فمن

خلق الله فاذا قالوا ذلك فقولوا قل هو الله أحد الله الصمد لم يلد ولم

يولد ولم يكن له كفوا أحد"

**Hadith 4**: Sabda Rasulullah s.a.w.[9]

" إن الشيطان يأتى أحدكم فيقول من خلق السماء فيقول الله فيقول

من خلق الأرض فيقول الله فيقول من خلق الله فإذا وجد ذلك أحدكم

---

[6]Hadith riwayat Abū Dāud, al-Sunnah 4071, Aḥmad, Musnad al-Mukathirīn min al-Ṣaḥābah 5327. Sanad *ḍa'īf*, lihat *'Aqīdah al-Najīn*, hal. 22

[7]Hadith riwayat Abū Dāud, al-Sunnah 4071, Aḥmad, Musnad al-Mukathirīn min al-Ṣaḥābah 5327

[8]Hadith riwayat al-Bukhārī, Bad'i al-Khalq , 3034, Muslim, al-Īmān, 190, Abū Dāud, al-Sunnah, 4098, 4099, Musnad Aḥmad, Baqi Musnad al-Mukathirin, 8666, 8026, 10534, 786. Lihat *'Aqīdah al-Najīn*, hal. 37

[9]Hadith yang sama seperti di atas (hadith 3), riwayat al-Bukhārī, Muslim, Abū Dāud dan Aḥmad, hal. 37, lihat *'Aqīdah al-Najīn*, hal. 37

فليقل آمنت بالله ورسوله "

**Hadith 5**: Sabda Rasulullah s.a.w.[10]

" ينزل ربنا كل ليلة إلى سماء الدنيا حين يبقى ثلث الليل الأخير ويقول

من يدعونى فاستجيب له من يسألنى فأعطيه من يستغفرنى فاغفرله "

**Hadith 6**: Sabda Rasulullah s.a.w[11]

" إن رجلا ضرب عبده فنهاه النبى صلى الله عليه وسلم وقال

إن الله تعالى خلق آدم على صورته"

Menurut riwayat Muslim berbunyi:[12]

" فاذا قاتل أحدكم أخاه فليجتنب الوجه فإن الله خلق آدم على صورته"

**Hadith 7**: Sabda Rasulullah s.a.w[13]

" إن قلوب بنى آدم كلها كقلب واحد بين أصبع بين أصابع الرحمن "

Berdasarkan hadith 5 , 6 dan 7 , pengarang menjelaskan kedua-dua aliran iaitu aliran *Salaf* yang tidak *menta`wil* dan aliran *Khalaf* yang *menta`wil* hadith-hadith *al-Mutasyābihāt* tersebut

---

[10]Hadith riwayat al-Bukhārī, al-Da'awāt 5846, al-Jum'ah 1077, al-Tauḥīd 6940, Muslim, Ṣalāh al-Musāfirīn wa Qaṣruha 1261-1265, al-Tarmidhī, al-Ṣalāh 408, al-Da'awāt 3420, Abū Dāud, al-Ṣalāh, 1120, al-Sunnah 4108, Ibn Mājah Iqāmah al-Ṣalāh wa al-Sunnah fīha 1356, Aḥmad 7196, 7275, 7303, 7460, 8616, 9067, 9922, 10140, 10338, Mālik, al-Nidā` li al-Ṣalāh 447, al-Dārimī 1442, 1443, lihat *'Aqīdah al-Nājīn*, hal.50

[11]Hadith riwayat al-Bukhārī, al-'Itāq 2372, Muslim, al-Birr wa al-Ṣilah wa al-Adāb 4731, Aḥmad Bāqī Musnad al-Mukathirīn, 7113, 7777, 7989, 8087, 8219, 9231, 9433, 9583, 10314 , lihat *'Aqidah al-Nājīn*, hal 50

[12]Hadith riwayat Muslim , al-Birr wa al-Ṣilah wa al-Adāb 4731

[13]Hadith riwayat Muslim, al-Qadr 4798, Aḥmad, Musnad al-Mukathirīn min al-Ṣaḥābah 6281, 6321, lihat *'Aqīdah al-Nājīn*, hal. 51

Malah pengarang mengakui bahawa kedua-dua aliran tersebut boleh diterima pakai kerana kedua-duanya adalah daripada golongan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* dan sesuai mengikut keadaan manusia di dalam *mengithbatkan* matlamat akidah ketuhanan.[14]

Namun beliau memperlihatkan kecenderungannya terhadap aliran *Khalaf* kerana di dalam ulasannya beliau memetik pendapat Imam al-Sya'rānī yang mengutamakan konsep *ta`wil* hadith tersebut.[15]

**Hadith 8**: Sabda Rasulullah s.a.w.[16]

"من وعده الله على عمل ثوابا فهو منجز له ومن أوعده على عمل عقابا فهو بالخيار إن شاء عذبه وإن شاء غفرله "

**Hadith 9**: Sabda Rasulullah s.a.w.[17]

"إن أحدكم ليعمل بعمل أهل النار حتى ما يكون بينه وبينها أى ذراع فيسبق عليه الكتاب فيعمل بعمل أهل الجنة فيدخلها وإن أحدكم ليعمل بعمل أهل الجنة حتى ما يكون بينه وبينها إلا ذراع فيسبق عليه الكتاب فيعمل بعمل أهل النار فيدخلها "

---

[14]Zain al-'Ābidīn al-Faṭānī, *'Aqīdah al-Nājīn*, hal. 50-51

[15]*Ibid.*, hal. 51

[16]Tidak ditemui- Penulis tidak mendapati hadith ini di dalam kitab-kitab *al-Takhrīj* yang utama seperti *al-Mu'jam al-Mufahras li al-Alfāẓ al-Ḥadīth, Kanz al-'Ummāl, Mausū'ah Aṭrāf al-Ḥadīth* dan seumpamanya setelah menelaah dengan terperinci tentangnya. Lihat *'Aqīdah al-Nājīn*, hal. 54

[17]Hadith riwayat al-Bukhārī, al-Qadr 6105, Bad'i Khalq 2969, Aḥādīth al-Anbiyā' 3085, al-Tauḥīd 6900, Muslim, al-Qadr 4781, al-Tarmidhī, al-Qadr 2063, Abū Dāud, al-Sunnah 4085, Ibn Mājah, al-Muqaddimah 73, Aḥmad, Musnad al-Mukathirīn min al-Ṣaḥābah 3372, 3441, 3738, 3882, lihat *'Aqīdah al-Nājīn*, hal. 55

**Hadith 10**: Sabda Rasulullah s.a.w.[18]

" يا عباد الله اثبتوا فإنه سأصفه أى الدجال لكم صفة لم يصفها

إياه نبى قبلى فيقول أنا نبى وأنه لانبى بعد ثم يثنى فيقول أنا

ربكم ولن تروا ربكم حتى تموتوا او إنه أعور وأن ربكم ليس بأعور

وأنه مكتوب بين عينيه كافر يقرؤه كل مؤمن كاتب وغير كاتب "

**Hadith 11**: Sabda Rasulullah s.a.w.[19]

" أيها الناس اربعوا على أنفسكم فإنكم لاتدعون أصم ولا أعمى

ولا أبكم و إنما تدعون من هو سميع بصير وتكلم "

**Hadith 12**: sabda Rasulullah s.a.w.[20]

" أشدكم بلاء الأنبياء ثم الأولياء ثم الأمثل فالأمثل"

Hadith ini seperti yang diriwayatkan oleh al-Tarmidhī daripada Sa'ad bin Abī Waqqās didapati kesemua sanadnya adalah *thiqah.* Beliau berkata hadith ini adalah *Ḥadīth Ḥasan Ṣaḥīḥ.* Begitu juga kedudukan sanad-sanad riwayat Ibn Mājah, Aḥmad dan al-Dārimī daripada Sa'ad bin Abī Waqqās.

[18]Hadith riwayat al-Bukhārī, al-Manāqib 3305, al-Fitan 6598, Muslim, Fitan wa Asyrāṭ al-Sā'ah 5219, 5220, Abū Daūd, al-Malaḥim 2761, al-Tarmidhī, al-Fitan 2171, Aḥmad, Bāqī Musnad al-Mukathirīn 11702, 12308, 12608, 12674, 12729, 11566, 12906, 12915, 12957, 13109, 13130, 13426, 13580, lihat *'Aqīdah al-Najīn*, hal. 63

[19]Hadith riwayat al-Bukhārī, al-Jihād wa al-Sair 2770, al-Maghāzī 3883, al-Da'awāt 5905, 5930, al-Qadr 6120, al-Tauḥīd 6838, Muslim, al-Dhikr wa al-Du'ā' wa al-Taubah 4873-4875, Abū Daūd, al-Ṣalāh 1305, al-Tarmidhī, al-Da'awāt 3296, 3383, Ibn Mājah, al-Adāb 3814, Aḥmad, Musnad al-Kufiyyin 18699, 18754, 18758, 18774, 18780, 18818, 18910, 18920, lihat *'Aqīdah al-Najīn*, hal. 67

[20]Hadith riwayat al-Tarmidhī, al-Zuhud 2322, Ibn Mājah, Fitan 4013, Aḥmad, Musnad al-Mubasyirīn bi al-Jannah 1400, 1412, 1473, 1521, al-Dārimī, al-Raqā'iq 2664, lihat *'Aqīdah al-Najīn*, hal.78

Menurut al-Sakhāwī di dalam *al-Maqāṣid al-Ḥasanah*, hadith ini adalah sahih menurut al-Ḥākim.[21]

**Hadith 13**: Sabda Rasulullah s.a.w.[22]

" إذا مر متعلم على قرية رفع الله العذاب أربعين يوما من مقابر تلك القرية"

**Hadith 14**: Sabda Rasulullah s.a.w.[23]

" أن تلد الأمة ربتها وأن ترى الحفاة العراة العالة رعاء الشاة يتطاولون فى البنيان"

**Hadith 15**: Sabda Rasulullah s.aw. [24]

" لاتقوم الساعة حتى يكون أسعد الناس فى الدنيا لكع ابن لكع"

Berkata al-Tarmidhī, hadith ini adalah *Hadīth Ḥasan* dan hanya diketahui daripada hadith 'Amr bin Abī 'Amr.[25] Al-'Ajlūnī menyatakan bahawa hadith ini telah diriwayatkan oleh al-Tarmidhī daripada Ḥudhaifah.[26]

---

[21]Al-Sakhāwī, *al-Maqāṣid al-Ḥasanah*, hal. 117, (no. 116) . Lihat juga Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad al-Ḥākim , *al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥain* , Dār al-Ma'rifah , Beirut , t.t. , jil.3, hal .343 .

[22]Tidak ditemui, lihat *'Aqīdah al-Nājīn*, hal. 83

[23]Hadith riwayat Muslim, al-Imān 9, al-Tarmidhī, al-Imān 2535, al-Nasā'ī , al-Imān wa Syarā'i'ihi 4904, Abū Dāud, al-Sunnah 4075, Ibn Mājah, al-Muqaddimah 62, Aḥmad 179, 186, 346, 352, Musnad al-Mukathirīn min al-Ṣaḥābah 5592, lihat *'Aqīdah al-Nājīn*, hal. 86

[24]Hadith riwayat al-Tarmidhī, al-Fitan 2135, Aḥmad, Bāqī Musnad al-Anṣār 22214, lihat *'Aqīdah al-Nājīn*, hal. 86 , *Ḥadīth Ḥasan.*

[25]*Ibid.*

[26]Al-'Ajlūnī, *Kasyf al-Khafā'*, jil.2, hal. 319 (3003)

**Hadith 16**: Sabda Rasulullah s.a.w.[27]

" من أشراط الساعة أن توضع الأخيار وترفع الاشرار"

Hadith ini hanya diriwayatkan oleh al-Dārimī sahaja, Sanad tersebut diriwayatkan oleh al-Walīd bin Hisyām, al-Ḥārith bin Yazīd al-Ḥamsī dan 'Amr bin Qais. Berdasarkan kedudukan perawi tersebut kedua-duanya *thiqah* kecuali al-Ḥārith sahaja yang dipertikaikan kedudukannya. Al-Dhahabī dan al-Rāzī berpendapat bahawa al-Ḥārith tidak dikenali (*majhūl*). Namun begitu Ibn Ḥibbān menyatakannya sebagai *thiqah*.[28]

Oleh itu, hadith ini masih boleh diterima disebabkan tidak ada perawi yang *ḍa'īf* walaupun al-Ḥārith kurang dikenali oleh ulama *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*, namun ia tetap dikira *thiqah* mengikut pendapat Ibn Ḥibbān dengan itu ia boleh dijadikan hujah apabila tidak bertentangan dengan dalil yang lebih kuat daripadanya.

**Hadith 17**: Sabda Rasulullah s.a.w.[29]

" لاتفضلونى على الأنبياء"

[27]Hadith riwayat al-Dārimī, al-Muqaddimah 476, lihat *'Aqīdah al-Najīn*, hal. 86

[28]Sila rujuk CD Hadith Copyright SAKHR Software Co. 1995 menegenai kedudukan sanad tersebut.

[29]Hadith riwayat al-Bukhārī, al-Khuṣūmāt 2234, 2235, Aḥādīth al-Anbiyā' 3156, 3162, 3163, Tafsīr al-Qur'ān 4238, 4265, 4413, 4439, al-Raqāq 6036, 6037, al-Tauḥīd 6918, Muslim, al-Faḍā'il 4376, 4377, 4378, 4381, al-Tarmidhī, Tafsīr al-Qur'ān, 3168, Abū Dāud, al-Sunnah 4048, 4051, Aḥmad, Bāqī Musnad al-Mukathirīn 7270, 8887, 9445, 9662, 10530, 10835, 10856, 10938, lihat *'Aqīdah al-Najīn*, hal. 96

Di dalam riwayat yang sama Rasulullah s.a.w bersabda[30]

" لاتفضلوني على يونس بن متى"

Sabda Rasulullah s.a.w.[31]

" لا تخيروني على موسى"

**Hadith 18**: Sabda Rasulullah s.a.w.[32]

" يسلط الله على الكافر في قبره تسعة وتسعين تنين اتنهشه وتلدغه
حتى تقوم الساعة لو أن تنينا نفخ على الأرض ما أنبتت خضراء"

Menurut al-Tarmidhi, hadith ini adalah *gharib* yang diketahui melalui sanad ini sahaja.[33]

Berdasarkan hadith al-Tarmidhi, Ibn Ḥajar merumuskan bahawa sanad ini adalah *da'if.* Kesemua perawinya adalah boleh diterima seperti Muḥammad bin Aḥmad bin al-Ḥasan[34], al-Qasim bin al-Ḥakam[35], dan 'Aṭiyyah bi Sa'ad[36]

---

[30]*Ibid.*
[31]*Ibid.*
[32]Hadith riwayat al-Tarmidhi, Sifah al-Qiamah wa al-Raqa'iq wa al-War' 2384, Aḥmad , Baqi Musnad al-Mukathirin 10906,al-Darimi, al-Raqa'iq 2694, lihat *'Aqidah al-Najin*, hal. 101 , *Hadith Hasan* .
[33]*Ibid.*( al-Tarmidhi 2384.)
[34]Aḥmad bin 'Ali bin Ḥajar al-'Asqalani, *Taqrib al-Tahdhib*, Dar al-Kutub al-'Ilmiah, Beirut, 1993, jil. 2, hal. 52 *(ṣaduk)*
[35]*Ibid.* jil.2, hal. 18 *(ṣaduk)*
[36]*Ibid.* jil. 1, hal 678 *( ṣaduk)*

yang dikatogerikan sebagai *ṣadūk* (صدوق) kecuali 'Abd Allāh bin al-Walīd al-Waṣṣāfī[37] ialah *ḍa'īf.*

Namun begitu, jika diteliti sanad Aḥmad didapati kesemua sanadnya adalah *thiqah* seperti Abū 'Abd al-Rahman 'Abd Allāh bin Yazīd[38], Sa'īd bin Miqlās[39], Abū al-Haitham Sulaimān bin 'Amr[40]. Manakala Abū al-Samh Ḍirāj bin Sam'ān[41] dikira sebagai *ṣadūk* (صدوق). Oleh itu ia dikira sebagai *Ḥadīth Ḥasan.*

**Hadith 19**: Sabda Rasulullah s.a.w.[42]

" إن لكل نبى حوضا وهو قائم على حوضه وبيده عصا يدعو من عرفه من أمته الألوانهم يتباهون أيهم أكثر تبعا وأنى أرجو أن اكون أكثرهم تبعا"

Berkata Abū 'Īsā (al-Tarmidhī) bahawa hadith ini adalah *gharīb.* Diriwayatkan juga oleh al-Asy'ath bin Abd al-Malik daripada Ḥasan terus

---

[37] *Ibid.* jil. 1, hal. 641 *( ḍa'īf)*
[38] *Ibid.* jil. 1, hal. 548 *(thiqah)*
[39] *Ibid.* jil. 1, hal. 349 *(thiqah)*
[40] *Ibid.* jil. 1, hal. 390 *(thiqah)*
[41] *Ibid.* jil. 1, hal 284 *( ṣadūk)*
[42] Hadith riwayat al-Tarmidhī, Ṣifah al-Qiāmah wa al-Raqā'iq wa al-War' 2367, lihat *'Aqīdah al-Najīn,* hal. 107 , hadith ini sanadnya *ḍa'īf*

daripada Nabi s.a.w. secara *mursal*[43] dengan tidak menyebut pada sanadnya Samurah menurut pendapat yang lebih sahih (أصح).[44]

**Hadith 20**: Sabda Rasulullah s.a.w.[45]

" يصاح برجل من أمتى على رؤوس الخلائق فيخرج له بطاقة كالأنملة
فيها أشهد أن لااله الا الله وأشهد أن محمدا عبده ورسوله فيقول يارب
هذه البطاقة مع هذه السجلات فيقول إنك لاتظلم فتوضع السجلات فى
كفة والبطاقة فى كفة أخرى فتطيش السجلات"

Berdasar sanad al-Tarmidhī, Ibn Ḥajar menyatakan bahawa kesemua perawinya adalah *thiqah* dan boleh diterima seperti Suwaid bin Naṣr al-Marwazī[46], 'Abd Allāh bin al-Mubārak[47], Laith bin Sa'ad[48] 'Āmir bin Yaḥyā[49] dan 'Abd Allāh bin Yazīd[50].

---

[43]Mursal ialah hadith yang gugur di dalam sanadnya sahabat, ia adalah dikatogerikan sebagai hadith *da'īf*, lihat *Tadrīb al-Rāwī*, hal.195

[44]Hadith riwayat al-Tarmidhī, Ṣifah al-Qiāmah wa al-Raqā'iq wa al-War' 2367

[45]Hadith riwayat al-Tarmidhī, al-Īmān 2563, Ibn Mājah, al-Zuhud 4290, lihat *'Aqīdah al-Nājīn*, hal 123 , *Ḥadīth Ṣaḥīḥ*

[46]Ibn Ḥajar, *Taqrīb al-Tahdhīb*., jil. 1, hal. 405

[47]*Ibid*. jil. 1, hal. 527 (*thiqah*)

[48]*Ibid*. jil. 2, hal. 48 (*thiqah*)

[49]*Ibid*. jil. 1, hal. 464 (*thiqah*)

[50]*Ibid*. jil. 1, 548 (*thiqah*)

**Hadith 21**: Sabda Rasulullah s.a.w.[51]

" لاإله إلا الله حصني ومن دخل حصني أمن من عذابي"

**Hadith 22**: Sabda Rasulullah s.a.w. [52]

" من كان آخر كلامه من الدنيا لاإله إلا الله دخل الجنة"

Di dalam riwayat yang lain:[53]

" من كان آخر كلامه لاإله إلا الله حرمه الله على النار"

Terdapat hadith yang mempunyai maksud yang sama dengannya iaitu hadith tentang saranan mengajar mereka yang hendak mati dengan kalimah *syahadah* seperti dalam riwayat Muslim yang akan datang [54]:

Berdasarkan kedua-dua hadith tersebut, didapati mempunyai pengertian yang sama dari segi maknanya. Perbezaan di antara keduanya hanyalah pengunaan istilah syurga dan neraka sahaja namun ia tetap membawa pengertian yang sama di antara satu sama lain.

---

[51] Tidak ditemui. Penulis tidak mendapati hadith tersebut di dalam kitab-kitab *al-Takhrīj* yang utama seperti *al-Mu'jam al-Mufahras li al-Alfāẓ al-Ḥadīth, Kanz al-'Ummāl, Mausū'ah Aṭrāf al-Ḥadīth* dan seumpamanya setelah menelaah dengan terperinci tentangnya, lihat *'Aqīdah al-Najīn*, ḥal. 126

[52] Hadith riwayat Abū Dāud, al-Janā'iz 2709, Aḥmad, Musnad al-Anṣār 21024, 21110' lihat *'Aqīdah al-Nājīn*, hal. 126

[53] Tidak ditemui, lihat *'Aqīdah al-Nājīn*, hal. 126

[54] Sila rujuk hadith 23

Menurut al-'Ajluni, hadith di atas juga telah diriwayatkan oleh al-Hakim yang telah disahkan (sahih) daripada Mu'adh.[55]

" من كان آخر كلامه لا إله إلا الله لم يدخل النار"

**Hadith 23**: Sabda Rasulullah s.a.w.[56]

" لقنوا موتاكم لاإله إلا الله فإنه ليس مسلم يقولها عند الموت إلا
أنجته من النار"

**Hadith 24**: Sabda Rasulullah s.a.w.[57]

" من رأى منكم منكرا فليغيره بيده فإن لم يستطع فبلسانه
فإن لم يستطع فبقلبه وذلك أضعف الإيمان "

**Hadith 25**: Sabda Rasulullah s.a.w.[58]

" لن يدخل الجنة من كان في قلبه مثقال ذرة من كبر فقالوا
يارسول الله إن أحدنا يحب أن يكون ثوبا حسنا ونعلة حسنة
فقال إن الله جميل يحب الجمال ولكن الكبر بطر الحق وغمص
الناس"

---

[55] Al-'Ajluni, *Kasyf al-Khafa'*, jil.2, hal. 243 (2576). Lihat juga al-Hakim, *op. cit.*, jil. 1, hal.351

[56] Hadith riwayat Muslim, al-Jana'iz 1523, Abu Daud al-Jana'iz 2710, al-Tarmidhi, al-Jana'iz 898, al-Nasa'i, al-Jana'iz 1803, Ibn Majah, al-Jana'iz 1435, Ahmad, Baqi Musnad al-Mukathirin 10570, lihat *'Aqidah al-Najin*, hal. 126

[57] Hadith riwayat al-Bukhari, al-Jum'ah 903, Muslim, al-Iman 70, al-Tarmidhi, al-Fitan 2098, Abu Daud, al-Salah 963, al-Malahim 3777, al-Nasa'i, al-Iman wa Syara'i'ihi 4922, 4923, Ibn Majah, Iqamah al-Salah wa al-Sunnah fiha 1265, al-Fitan 4003, Ahmad, Baqi Musnad al-Mukathirin 10651, 10723, 11034, 11068, 11090, 11114, 11442, lihat *'Aqidah al-Najin*, hal. 127

[58] Hadith riwayat Muslim, al-Iman 131-133, al-Tarmidhi, al-Birr wa al-Silah 1921, 1922, Abu Daud, al-Libas 3568, Ibn Majah, al-Muqaddimah 58, al-Zuhud 4163, Ahmad, Musnad al-Mukathirin min al-Sahabah 3600, 3718, 3751, 4083, lihat *'Aqidah al-Najin*, hal. 129

Menurut naskah pengarang di dalam kitab *'Aqīdah al-Nājīn* meriwayatkan hadith tersebut daripada Muslim dengan lafaz (لن) .[59] Setelah disemak didapati tidak terdapat di dalam riwayat Muslim lafaz (لن)sebaliknya ketiga-tiga hadith daripadanya (131, 132 dan 133) menyebut lafaz (لا)diawal hadith di atas. Begitu juga kalimah (غمص)[60] digantikan dengan kalimah (غمط) di dalam ketiga-tiga riwayat tersebut.

### 4.2.2 Bahagian Kedua : *Mafhum* Hadith

Di dalam kitab *'Aqīdah al-Nājīn* ini, pengarang juga meriwayatkan beberapa hadith yang dipetik secara pengertian dan *mafhum*nya sahaja tanpa membawa nas-nas hadith yang asal. Oleh itu penulis cuba mencari nas-nas hadith yang asal berdasarkan pengertian hadith yang diutarakan oleh pengarang.

Untuk memudahkan proses mengenal pasti sumber asal hadith-hadith tersebut penulis memberikan tajuk tehadap hadith *mafhum* yang dinyatakan oleh pengarang dengan disertakan pokok atau isi utama perbincangannya. Manakala

---

[59]Sila lihat *'Aqīdah al-Nājīn*, hal. 129 , pengarang meriwayatkan hadith tersebut yang dikeluarkan oleh Muslim.

[60]Lafaz (غمص)tidak terdapat di dalam riwayat hadith-hadith yang sama yang dikeluarkan di dalam *Sunan Tis'ah* (Sunan Sembilan) kecuali hanya satu riwayat sahaja daripada al-Tarmidhī yang menyebut tentangnya (sila rujuk Tarmidhī, al-Birr wa al-Ṣilah 1922). Manakala lafaz (لن) tidak ditemui di dalam hadith-hadith yang sama dikeluarkan seperti diatas.

*mafhum* hadith seperti yang ditulis oleh pengarang, dimasukkan di bahagian akhir disertasi ini sebagai lampiran bersama-sama dengan terjemahannya .

**Hadtih 26** : Yahudi bertanya Rasulullah s.a.w. tentang sifat kejadian Allah s.w.t.[61]

" أن المشركين قالوا لرسول الله صلى الله عليه وسلم انسب لنا ربك فأنزل الله ( قل هو الله أحد الله الصمد ) والصمد الذي لم يلد ولم يولد لأنه ليس شيء يولد إلا سيموت ولا شيء يموت إلا سيورث وإن الله عز وجل لا يموت ولا يورث ( ولم يكن له كفوا أحد ) قال لم يكن له شبيه ولا عدل وليس كمثله شيء "

Hadith di atas tidak menyatakan bahawa yang bertanya kepada Rasulullah ialah Yahudi sebaliknya golongan Musyrikin dan ia juga mempunyai persamaan makna dengan hadith (1) yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbās[62]

Daripada hadith riwayat al-Tarmidhī dan Aḥmad yang mempunyai sanad yang sama ini didapati *ḍa'īf* kerana salah seorang daripada perawinya adalah *ḍa'īf* iaitu Abū Sa'ad al-Saghānī (Muḥammad bin Muyassar)[63], manakala perawi lain

[61]Hadith riwayat al-Tarmidhī, Tafsīr al-Qur'ān 3287, Aḥmad, Musnad al-Anṣār 20272, lihat *'Aqīdah al-Najīn*, hal. 20 , *Ḥadīth Ḥaṣan Lighairih*
[62]Sila lihat Hadith 1 riwayat Abū Na'īm daripada Ibn 'Abbās di dalam kitab *Hilyah al-Auliyā* yang dikeluarkan oleh al-Sakhāwī di dalam kitabnya *al-Maqāṣid al-Ḥasanah*, hal. 260 (342)
[63]Ibn Ḥajar, *Taqrīb al-Tahdhīb*, jil. 2, hal. 139 *(ḍa'īf)*

boleh diterima seperti Aḥmad bin Muni' al-Baghwi[64], Abu al-'Aliyah[65], Abu Ja'far al-Razi[66] dan al-Rabi' bin Anas[67].

Hadith ini walaupun *ḍa'if* tetapi ia disokong oleh hadith-hadith lain yang mempunyai persamaan makna yang kedudukannya lebih kuat seperti hadith Muslim daripada Abu Hurairah seperti hadith 1 lepas[68]. Justeru itu hadith ini dari segi konsepnya ia boleh diterima. Ia dikenali sebagai *al-Mutaba'ah.*[69]

**Hadith 27**: Ibn 'Abbas berkata bahawa Allah s.w.t. menjadikan mati dalam bentuk rupa kibas putih yang disembelih dan hidup dalam bentuk rupa kuda pada hari kiamat.[70]

" يؤتى بالموت كهيئة كبش أملح فينادي مناد يا أهل الجنة فيشرئبون
وينظرون فيقول هل تعرفون هذا فيقولون نعم هذا الموت وكلهم قد رآه ثم
ينادي يا أهل النار فيشرئبون وينظرون فيقول هل تعرفون هذا فيقولون نعم
هذا الموت وكلهم قد رآه فيذبح ثم يقول يا أهل الجنة خلود فلا موت ويا

[64] *Ibid.* jil. 1, hal. 47 (*thiqah*)
[65] *Ibid.* jil. 1, hal. 303 (*thiqah*)
[66] *Ibid.* jil. 2, hal. 376(*thiqah*)
[67] *Ibid.* jil. 2, hal. 293(*thiqah*)
[68] Sila rujuk hadith 1
[69] Al-Suyuṭi, *Tadrib al-Rawi*, juz. 1, hạl. 243
[70] Hadith riwayat al-Bukhari, Tafsir al-Qur'an 4361, Muslim, al-Jannah wa Ṣifah Na'imuha wa Ahluha 5087, al-Tarmidhi Ṣifah al-Jannah 2481, Aḥmad, Baqi Musnad al-Mukathirin 10644 lihat *'Aqidah al-Najin*, hal. 46

أهل النار خلود فلا موت ثم قرأ ( وأنذرهم يوم الحسرة إذ قضي الأمر وهم في غفلة ) وهؤلاء في غفلة أهل الدنيا ( وهم لا يؤمنون ) "

Berdasarkan hadith di atas dan hadith-hadith lain yang dikeluarkan berkaitan dengannya hanya menceritakan tentang kedudukan mati di dalam syurga dan neraka sahaja. Manakala di dalam hadith ini tidak dinyatakan dengan jelas, tetapi berdasarkan kefahaman hadith diatas mengatakan selepas mati yang digambarkan di dalam bentuk kibas disembelih dan manusia akan hidup selama-lamanya di dalam syurga ataupun neraka.

Ini menunjukkan riwayat Ibn 'Abbās adalah secara makna sahaja namun begitu ia tidak menjejaskan kesahihannya sebagai dalil yang diterima pakai oleh ulama-ulama muktabar di dalam ilmu Hadith.[71]

**Hadith 28**: Mukjizat Rasulullah s.a.w.- Terpancar air daripada anak jarinya.[72]

" عن أنس بن مالك قال : رأيت رسول الله صلى الله عليه وسلم وحانت صلاة العصر والتمس الناس الوضوء فلم يجدوه فأتي رسول الله صلى الله عليه وسلم بوضوء فوضع رسول الله صلى الله عليه وسلم يده في ذلك الإناء وأمر الناس أن يتوضئوا منه قال : فرأيت الماء ينبع من تحت أصابعه فتوضأ الناس حتى توضئوا من عند آخرهم "

[71]Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ al-Nawawī*, jil.1, hal. 7. Lihat juga al-Suyūṭī, *Tadrīb al-Rāwī*, hal. 150

[72]Hadith riwayat al-Bukhārī, al-Manāqib 3307-3310, al-Wuḍū' 188, 193, 164, Muslim, al-Faḍā'il 4224-4225, al-Tarmidhī, al-Manāqib 3564, al-Nasā'ī, al-Ṭahārah 75, 77, Aḥmad, Bāqī Musnad al-Mukathirīn 11591, 11898, 11952, 12040, 12233, 12266, 12331, 12767, 12789, 13105, 13567, Mālik, al-Ṭahārah 57, lihat '*Aqidah al-Najin*, hal. 75

**Hadith 29**: Hadith syafa'at pada hari kiamat dengan ilmu.[73]

**Hadith 30**: Hadith talqin orang mati apabila dikuburkan.[74]

Hadith ini tidak terdapat di dalam sumber-sumber kitab hadith yang lain. Namun begitu terdapat hadith yang masyhur tentang talqin orang mati dengan dua kalimah Syahadah di saat-saat akhir seperti sabda Rasulullah s.a.w.[75]

" لقنوا موتاكم لا إله إلا الله "

**Hadith 31**: Azab kubur - Bumi menghimpit si mati sehingga berselisih di antara tulang rusuknya.[76]

" إذا قبر الميت أو قال أحدكم أتاه ملكان أسودان أزرقان يقال لأحدهما المنكر والآخر النكير فيقولان ما كنت تقول في هذا الرجل فيقول ما كان يقول هو عبد الله ورسوله أشهد أن لا إله إلا الله وأن محمدا عبده ورسوله فيقولان قد كنا نعلم أنك تقول هذا ثم يفسح له في قبره سبعون ذراعا في سبعين ثم ينور له فيه ثم يقال له نم فيقول أرجع إلى أهلي فأخبرهم فيقولان نم كنومة العروس الذي لا يوقظه إلا أحب أهله إليه حتى يبعثه الله من مضجعه ذلك وإن كان منافقا قال سمعت الناس يقولون فقلت مثله لا أدري فيقولان قد كنا نعلم أنك تقول ذلك فيقال للأرض

---

[73]Hadith tidak ditemui – Penulis tidak mendapati hadith tersebut di dalam kitab-kitab *al-Takhrīj* seperti *al-Mu'jam al-Mufahras li al-Alfāẓ al-Ḥadīth, Kanz al-'Ummāl, Mausū'ah Aṭrāf al-Ḥadīth* dan seumpamanya, lihat *'Aqīdah al-Nājīn*, hal. 82

[74]Hadith tidak ditemui , lihat *'Aqīdah al-Nājīn*, hal. 100

[75]Hadith riwayat Muslim, al-Janā'iz 1523, al-Tarmidhī, al-Janā'iz 898, al-Nasā'ī , al-Janā'iz 1803, Abū Dāud, al-Janā'iz 2710, Ibn Mājah Ma jā'a fī al-Janā'iz 1435, Aḥmad, fī Bāqī Musnad al-Mukathirīn, 10570.

[76]Hadith riwayat al-Tarmidhī, al-Janā'iz 991, Abū Dāud, al-Sunnah 4127, al-Nasā'ī, al-Janā'iz 1974, Ibn Mājah, Ma jā'a fī al-Janā'iz 1538, Aḥmad , fī Musnad al-Kūfiyyīn 17803, lihat *'Aqīdah al-Nājīn*, hal. 101

التنمي عليه فتلتئم عليه فتختلف فيها أضلاعه فلا يزال فيها معذبا حتى يبعثه الله من مضجعه ذلك "

Menurut al-Ḥāfiẓ al-Mundhirī, hadith yang diriwayatkan oleh Abū Dāud dan Aḥmad mempunyai Sanad perawinya yang *ṣaḥīḥ*. Berkata lagi al-Ḥāfiẓ bahawa hadith tersebut adalah hasan dan boleh dijadikan hujah. Diriwayatkan melalui al-Manhāl bin 'Amr (المنهال بن عمر) daripada Zādān (زادان) daripada al-Barā' (البراء). Al-Manhāl dan Zādān adalah *thiqah*.[77]

Hadith riwayat daripada Ibn Mājah juga mempunyai sanad yang *ṣaḥīḥ*, begitu juga dengan riwayat Ibn Ḥibbān di dalam kitabnya *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*.[78]

**Hadith 32**: Azab kubur diangkat pada malam Jumaat dan bulan Ramadhan.[79]

**Hadith 33**: Orang yang mati pada malam Jumaat dan pada siangnya , diazab satu saat kemudian diangkatnya dan tiada dikembalikan lagi sehingga hari kiamat.[80]

" ما من مسلم يموت يوم الجمعة أو ليلة الجمعة إلا وقاه الله فتنة القبر "

---

[77] 'Abd al-'Aẓīm bin 'Abd al-Qawiy al-Mundhirī, *al-Targhīb wa al-Tarhīb min al-Ḥadīth al-Syarīf* , Dār al-Ḥadīth , Kaherah, 1987 , jil. 4, hal.366.

[78] *Ibid*. hal. 370 . Lihat juga Abū Ḥātim Muḥammad bin Ḥibbān , *al-Iḥsān bi Tartīb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān* , Dār al-Kutub al-'Ilmiah , Beirut , 1987, jil. 5 , hal. 49

[79] Sila rujuk hadith 37, lihat *'Aqidah al-Najīn*, hal. 101

[80] Hadith riwayat al-Tarmidhī, al-Janā'iz 994, Aḥmad , Musnad al-Mukathirīn min al-Ṣaḥābah 6294, 6359, 6753, lihat *'Aqīdah al-Najīn*, hal. 101 , *Hadīth Ḥasan Lighairih*

Menurut al-Tarmidhī hadith ini sanadnya tidak bersambung disebabkan Rabī'ah bin Yūsuf tidak meriwayatkan secara langsung daripada 'Abd Allāh bin 'Amr seperti sanad hadith di atas sebaliknya beliau beliau meriwayatkan hadith tersebut daripada Abū 'Abd al-Rahman al-Ḥublī yang di ambil daripada 'Abd Allāh bin 'Amr. Malah tidak ada riwayat yang menyatakan bahawa Rabī'ah mendengar sendiri hadith tersebut daripada 'Abd Allāh bin 'Amr.Oleh itu sanad hadith ini adalah *ḍa'īf.*[81]

Tetapi Ibn Ḥajar menyatakan ada riwayat lain yang bersambung kepada 'Abd Allāh bin 'Amr melalui riwayat Yazīd bin Hārūn daripada Baqiyyah daripada Mu'āwiyah bin Sa'ad al-Tajībī daripada Abū Qubail daripada 'Abd Allāh bin 'Amr. Kemudiannya disokong lagi oleh riwayat Anas bin Mālik melalui riwayat Ibn 'Adī.[82]

Oleh itu hadith ini dikira sebagai hadith *Ḥasan Lighairih* (حسن لغيره) kerana disokong oleh riwayat-riwayat lain yang sahih dan lebih kuat daripadanya dan boleh dibuat hujah dengannya.[83]

---

[81] *Ibid.* (hadith al-Tarmidhī, 994)

[82] Ibn Ḥajar, *al-Nukat al-Ẓaraf 'alā al-Aṭrāf*, Maktabah al-Islāmi, Beirut, cet. 2, 1983, jil, 6, hal. 288 – 289. Lihat juga 'Abd al-Rahman al-Mizī, *Tuḥfah al-Asyrāf bi Ma'rifah al-Aṭrāf*, Maktabah al-Islāmī, Beirut 1983, cet. 2, 1983, jil, 6, hal. 288. Lihat juga Ibn 'Adi, *al-Kamil fi Ḍu'afa' al-Rijāl*, jil. 7, hal. 93

[83] Al-Suyūṭī, *Tadrīb al-Rāwī*, hal. 160

**Hadith 34**: Riwayat daripada 'Umar bahawa sesiapa yang menerangi masjid nescaya Allah s.w.t. akan menerangi kuburnya kelak.[84]

**Hadith 35**: Bahawa Allah s.w.t. menghimpunkan manusia di akhirat di dalam keadaan tanpa pakaian dan hina.[85]

" إنكم محشورون حفاة عراة غرلا ثم قرأ ( كما بدأنا أول خلق نعيده وعدا علينا إنا كنا فاعلين ) وأول من يكسى يوم القيامة إبراهيم وإن أناسا من أصحابي يؤخذ بهم ذات الشمال فأقول أصحابي أصحابي فيقول إنهم لم يزالوا مرتدين على أعقابهم منذ فارقتهم فأقول كما قال العبد الصالح (وكنت عليهم شهيدا ما دمت فيهم فلما توفيتني) إلى قوله( العزيز الحكيم)"

**Hadith 36**: Keadaan di padang Mahsyar terlalu sesak dengan orang ramai sehingga peluh mengalir begitu banyak seperti lautan.[86]

" إن العرق يوم القيامة ليذهب في الأرض سبعين باعا وإنه ليبلغ إلى أفواه الناس أو إلى آذانهم "

---

[84]Hadith tidak ditemui, lihat '*Aqīdah al-Nājīn*, hal. 101

[85]Hadith riwayat al-Bukhārī, Aḥādīth al-Anbiyā' 3100, 3191, Tafsīr al-Qur'ān 4259, 4260, 4371, al-Raqāq 6043, 6044, 6045, Muslim, al-Jannah wa Ṣifah Na'īmihā wa Ahlihā 5103, 5104, al-Tarmidhī, Ṣifah al-Qiāmah wa al-Raqā'iq wa al-Wār' 3347, Tafsīr al-Qur'ān 3091, 3255, al-Nasā'ī, al-Janā'iz 2054, 2055, 2060, Aḥmad, Musnad Banī Hāsyim 1814, 1849, 1923, 1992, 2168, 2212, al-Dārimī, al-Raqāq 6043-6045, lihat '*Aqīdah al-Nājīn*, hal. 102

[86]Hadith riwayat al-Bukhārī, al-Raqā'iq 6051, Muslim, al-Jannah wa Ṣifah Na'īmihā wa Ahlihā 5107, Aḥmad, Bāqī Musnad al-Mukathirīn 9058, lihat '*Aqīdah al-Nājīn*, hal. 103

**Hadith 37**: Sesetengah orang mukmin diringankan hisab dan diberi syafaat.[87]

" يجمع الله الناس يوم القيامة فيهتمون لذلك و قال ابن عبيد فيلهمون لذلك فيقولون لو استشفعنا على ربنا حتى يريحنا من مكاننا هذا قال فيأتون آدم صلى الله عليه وسلم فيقولون أنت آدم أبو الخلق خلقك الله بيده ونفخ فيك من روحه وأمر الملائكة فسجدوا لك اشفع لنا عند ربك حتى يريحنا من مكاننا هذا فيقول لست هناكم فيذكر خطيئته التي أصاب فيستحيي ربه منها ولكن ائتوا نوحا أول رسول بعثه الله قال فيأتون نوحا صلى الله عليه وسلم فيقول لست هناكم فيذكر خطيئته التي أصاب فيستحيي ربه منها ولكن ائتوا إبراهيم صلى الله عليه وسلم الذي اتخذه الله خليلا فيأتون إبراهيم صلى الله عليه وسلم فيقول لست هناكم ويذكر خطيئته التي أصاب فيستحيي ربه منها ولكن ائتوا موسى صلى الله عليه وسلم الذي كلمه الله وأعطاه التوراة قال فيأتون موسى صلى الله عليه وسلم فيقول لست هناكم ويذكر خطيئته التي أصاب فيستحيي ربه منها ولكن ائتوا عيسى روح الله وكلمته فيأتون عيسى روح الله وكلمته فيقول لست هناكم ولكن ائتوا محمدا صلى الله عليه وسلم عبدا قد غفر له ما تقدم من ذنبه وما تأخر قال :قال رسول الله صلى الله عليه وسلم فيأتوني فأستأذن على ربي فيؤذن لي فإذا أنا رأيته وقعت ساجدا فيدعني ما شاء الله فيقال يا محمد ارفع رأسك قل تسمع سل تعطه اشفع تشفع فأرفع رأسي فأحمد ربي بتحميد يعلمنيه ربي ثم أشفع فيحد لي حدا فأخرجهم من النار وأدخلهم الجنة ثم أعود فأقع ساجدا فيدعني ما شاء الله أن يدعني ثم يقال ارفع رأسك يا محمد قل تسمع سل

[87] Hadith riwayat al-Bukhārī, Bad'i al-Khalq 2960, Muslim, al-Īmān 284 , 288, al-Tarmidhī, al-Fitan 2112, Tafsīr al-Qur'ān 3151 Aḥmad, Musnad al-'Asyrah al-Mubasyyirīn bi al-Jannah 15, lihat '*Aqīdah al-Nājīn*, hal. 104

تعطه اشفع تشفع فأرفع رأسي فأحمد ربي بتحميد يعلمنيه ثم أشفع

فيحد لي حدا فأخرجهم من النار وأدخلهم الجنة قال فلا أدري في الثالثة

أو في الرابعة قال فأقول يا رب ما بقي في النار إلا من حبسه القرآن أي

وجب عليه الخلود "

Menurut al-Ḥāfiẓ al-Mundhirī, Hadith ini selain daripada riwayatkan oleh al-Bukhārī, Muslim, al-Tarmidhī ia juga diriwayatkan daripada Aḥmad dan Ibn Ḥibbān di dalam sahihnya. Beliau mengatakan bahawa Isḥāq bin Ibrāhīm berkata inilah di antara semulia-mulia hadith. Hadith ini telah diriwayatkan oleh beberapa perawi daripada Nabi s.a.w. seperti Anas, Huzaifah, Ibn Mas'ūd, Abū Hurairah dan lain-lainnya.[88]

**Hadith 38**: Dikecualikan daripada dihisab sebanyak tujuh puluh ribu orang (70 000) dan diberi mandat untuk memberi syafa'at kepada orang lain pula.[89]

" يدخل الجنة من أمتي سبعون ألفا بغير حساب قالوا ومن هم يا رسول الله

قال هم الذين لا يكتوون ولا يسترقون وعلى ربهم يتوكلون فقام عكاشة

فقال ادع الله أن يجعلني منهم قال أنت منهم قال فقام رجل فقال يا نبي

الله ادع الله أن يجعلني منهم قال سبقك بها عكاشة "

[88]Al-Mundhirī, *op. cit.*, jil.4, hal.440. Lihat juga Ibn Ḥibbān, *al-Iḥsān bi Tartīb Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, jil. 8, hal. 128, *Hadīth Ṣaḥīḥ*.

[89]Hadith riwayat Muslim, al-Īmān 320, 321, Aḥmad, Musnad al-Baṣriyyīn 19066, 19116, 19133, lihat *'Aqīdah al-Najīn*, hal. 106

**Hadith 39**: Beberapa nikmat yang dikecapi oleh penghuni syurga.[90]

" سأل موسى ربه ما أدنى أهل الجنة منزلة قال هو رجل يجيء بعد ما أدخل أهل الجنة الجنة فيقال له ادخل الجنة فيقول أي رب كيف وقد نزل الناس منازلهم وأخذوا أخذاتهم فيقال له أترضى أن يكون لك مثل ملك ملك من ملوك الدنيا فيقول رضيت رب فيقول لك ذلك ومثله ومثله ومثله ومثله فقال في الخامسة رضيت رب فيقول هذا لك وعشرة أمثاله ولك ما اشتهت نفسك ولذت عينك فيقول رضيت رب قال رب فأعلاهم منزلة قال أولئك الذين أردت غرست كرامتهم بيدي وختمت عليها فلم تر عين ولم تسمع أذن ولم يخطر على قلب بشر قال ومصداقه في كتاب الله عز وجل (فلا تعلم نفس ما أخفي لهم من قرة أعين ) الآية "

Menurut al-Ḥāfiẓ al-Mundhirī , selain daripada hadith Muslim ia juga diriwayatkan daripada al-Hākim daripada Ibn Mas'ūd. Berkata al-Hākim bahawa hadith ini adalah *ṣaḥīḥ* sanadnya. [91]

**Hadith 40**: Hadith tentang Islam, Iman dan Ihsan[92]

" عن عمر بن الخطاب قال بينما نحن عند رسول الله صلى الله عليه وسلم ذات يوم إذ طلع علينا رجل شديد بياض الثياب شديد سواد الشعر لا يرى عليه أثر السفر ولا يعرفه منا أحد حتى جلس إلى النبي صلى

[90] Hadith riwayat Muslim, al-Īmān 276, al-Tarmidhī, Tafsīr al-Qur'ān 3122, lihat '*Aqīdah al-Nājīn*, hal. 108

[91] Al-Mundhirī, *op. cit.* , jil. 4, hal. 503, hadith no. 17 . Lihat juga al-Ḥākim, al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīhain , jil. 2, hal. 413 , *Ḥadīth Ṣaḥīḥ*.

[92] Hadith riwayat Muslim, al-Īmān 9, Abū Dāud, al-Sunnah 4075,al-Tarmidhī, al-Īmān 2535, al-Nasā'ī, al-Īmān wa Syarā'i'ihi 4904, Ibn Mājah, al-Muqaddimah 62, Aḥmad 179, 186, 346, 352, Musnad al-Mukathirin min al-Ṣaḥābah 5592, lihat '*Aqīdah al-Nājīn*, hal. 118

الله عليه وسلم فأسند ركبتيه إلى ركبتيه ووضع كفيه على فخذيه وقال يا محمد أخبرني عن الإسلام فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم الإسلام أن تشهد أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله صلى الله عليه وسلم وتقيم الصلاة وتؤتي الزكاة وتصوم رمضان وتحج البيت إن استطعت إليه سبيلا قال صدقت قال فعجبنا له يسأله ويصدقه قال فأخبرني عن الإيمان قال أن تؤمن بالله وملائكته وكتبه ورسله واليوم الآخر وتؤمن بالقدر خيره وشره قال صدقت قال فأخبرني عن الإحسان قال أن تعبد الله كأنك تراه فإن لم تكن تراه فإنه يراك قال فأخبرني عن الساعة قال ما المسئول عنها بأعلم من السائل قال فأخبرني عن أمارتها قال أن تلد الأمة ربتها وأن ترى الحفاة العراة العالة رعاء الشاء يتطاولون في البنيان قال ثم انطلق فلبثت مليا ثم قال لي يا عمر أتدري من السائل قلت الله ورسوله أعلم قال فإنه جبريل أتاكم يعلمكم دينكم "

**Hadith 41**: Kasih dan marah kerana Allah s.w.t. adalah tanda kesempurnaan Iman.[93]

" من أعطى لله ومنع لله وأحب لله وأبغض لله وأنكح لله فقد استكمل إيمانه"

Menurut Ibn Ḥajar, sanad hadith ini adalah *ḥasan.* Semua perawinya boleh diterima, Terdapat beberapa perawi yang dikenali sebagai *thiqah* seperti ʻAbbās al-Daurī[94], ʻAbd Allāh bin Yazīd[95] dan Saʻīd bin Abī Ayyūb[96]. Manakala Abū

---

[93]Hadith riwayat al-Tarmidhī, Ṣifah al-Qīamah wa al-Raqāʼiq wa al-War' 2445, Aḥmad, Musnad al-Makkiyīn 15064, 15085, lihat *ʻAqīdah al-Najīn*, hal. 133, *Ḥadīth Ḥasan*

[94]Ibn Ḥajar, *Taqrīb al-Tahdhīb*, jil. 1, hal. 475 (*thiqah*)

[95]*Ibid.* jil. 1, hal. 548 (*thiqah*)

[96]*Ibid.* jil. 1, hal. 349 (*thiqah*)

# BAB KEEMPAT

# ANALISA HADITH-HADITH AKIDAH DI DALAM KITAB *'AQĪDAH AL-NĀJĪN*

## 4.1 Pendahuluan

Hadith-hadith yang terdapat di dalam kitab ini merupakan hujah-hujah yang dikemukakan oleh pengarang di dalam setiap perbincangan yang dikemukakannya.

Pengarang hanya memuatkan hadith-hadith tanpa memberi penjelasan terhadap kedudukannya yang terdapat di dalam kitab ini. Maka penulis menerangkan dalam bab ini kedudukan hadith-hadith tersebut yang dibawa pengarang dengan membuat kajian terhadapnya sama ada boleh diterima dan diamalkan ataupun sebaliknya.

Dengan itu, para pembaca dapat mengetahui kedudukannya di samping mendapat penjelasan lanjut berkenaan dengan hadith-hadith tersebut dari segi sumber-sumber yang diperolehi (*takhrīj*) dan pendapat-pendapat ulama tentangnya.

Manakala hadith-hadith yang berulang, penulis hanya memasukkan hadith-hadith tersebut di dalam bab-bab tertentu dengan memberikan catatan dan rujukan terhadapnya dengan hadith-hadith yang berulang sebelumnya.